

**MIC, MCA Gesa Siasat Kes Kematian Dalam Tahanan
Bernama
3 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- MIC dan MCA hari ini meminta kerajaan memandang serius isu kematian tahanan dalam lokap polis serta menyarankan pengwujudan mekanisme yang sewajarnya untuk memelihara hak asasi setiap tahanan.

Presiden MIC Datuk Seri G.Palanivel dalam satu kenyataan berkata tahanan juga tidak seharusnya dikurung di balai polis tempatan dan perlu segera dipindahkan ke Ibu Pejabat Polis Negeri masing-masing, manakala peguam perlu dilantik untuk menjaga dan melawat tahanan di lokap.

Palanivel membuat kenyataan itu ekoran tiga kematian dalam lokap dalam tempoh 11 hari baru-baru ini, kesemuanya keturunan India.

Sementara itu, Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda MCA, Chong Sin Woon menggesa pihak berkuasa berkaitan supaya mendedahkan hasil siasatan kepada orang awam.

"Setelah tiga kematian dalam tempoh kurang daripada dua minggu boleh memudaratkan kredibiliti pasukan polis dan oleh itu kita tidak mampu membiarkan kes-kes ini tergantung begitu sahaja," katanya dalam kenyataan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=953810>